

CALA-MY LOTION

Calamine, Zinc Oxide (15% w/v, 5% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cala-My Lotion
2. Bagaimana Cala-My Lotion berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cala-My Lotion
4. Cara menggunakan Cala-My Lotion
5. Semasa menggunakan Cala-My Lotion
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cala-My Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Cala-My Lotion. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda menggunakan ubat ini berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Cala-My Lotion

Cala-My Lotion merupakan ubat topikal anti-kegatalan untuk melegakan gatal-gatal akibat gigitan serangga, ruam panas, selaran matahari, ruam lampin dan ruam kosmetik dan iritasi kulit ringan yang lain.

Bagaimana CALA-MY LOTION berfungsi

Calamine adalah ubat digunakan untuk melegakan gatal-gatal dan iritasi kulit ringan.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan Cala-My Lotion

-Bila tidak boleh menggunakan
Jangan menggunakan Cala-My Lotion sekiranya anda hipersensitif terhadap:

- ubat yang mengandungi Calamine atau Zinc Oxide.
- bahan-bahan kandungan yang tersenarai pada hujung risalah ini.

Sebelum mula menggunakan Cala-My Lotion

Kehamilan dan penyusuan badan:
Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain
Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Cala-My Lotion

Cara menggunakan Cala-my Lotion

- Cuci and keringkan bahagian kulit yang terjejas. Sapukan dengan sedikit di sekitar bahagian kulit yang terjejas.

-Berapa banyak harus digunakan
2 hingga 3 kali sehari.

-Berapa lama perlu digunakan

Anda boleh sapukan losyen seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

-Jika terlupa menggunakan
Anda boleh menyapu losen secepat mungkin dan kemudian meneruskan rawatan seterusnya seperti biasa.

Jangan ambil dos berganda menggantikan dos yang telah anda lupa.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Tiada maklumat yang berkenaan dengan penggunaan berlebihan ke atas manusia.

Semasa menggunakan Cala-My Lotion

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bakal mula mengambil ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda menggunakan Cala-My Lotion.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Cala-My Lotion bagi kegunaan luaran sahaja. Losyen ini tidak boleh dimakan atau ditelan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika simptom berterusan, sila berunding doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan-kesan sampingan

Tiada kesan sampingan dilaporkan bagi produk ini.

Jika anda mengalami kesan sampingan, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.gov.my (Consumers → Reporting Side Effects Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI).

**Cara penyimpanan dan
pelupusan Cala-My Lotion**

Nombor Siri:
NPRA(R4/1)281118/00357

-Penyimpanan

Simpan pada suhu kurang daripada 30°C. Jauhi daripada jangkauan kanak-kanak. Jauhi dari cahaya yang kuat. Pastikan bekas sentiasa ditutup rapat.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Cala-My Lotion adalah losyen berwarna merah jambu pucat dan tidak berbau tar.

Cala-My Lotion boleh didapati dalam botol HDPE yang mengandungi 150ml.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:

Calamine dan Zinc Oxide

-Bahan-bahan tidak aktif:

Sodium Citrate, Phenol Liquid, Phenoxyethanol, Bentonite, Glycerin dan Purified Water.

-Nombor MAL :

MAL19911483XZ

Pengilang:

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

29/01/2019